

Hasil berbudi kepada tanah

Oleh Abu Bakar Al Sidek

Bekas anggota TLDM, tiga sahabat puas hati tanaman musim kedua raih RM10,000 tekad perluas kawasan projek

SITIAWAN: Pepatah Melayu ada menyebut 'berjagung-jagung dahulu sementara tunggu padi masak' mendorong empat sahabat menjadikan tanaman itu sebagai sumber mata pencarian mereka sepenuh masa.

Walaupun pada peringkat permulaan mereka hanya memperoleh pulangan pertama RM200 bagi tiap 0.4 hektar daripada hasil tanaman jagung seluas 1.3 hektar, tetapi ia tidak melemahkan semangat mereka untuk terus berbudi kepada tanah.

Hasil yang kurang itu berbanding tenaga yang dicurahkan itu juga sama sekali tidak mematahkan semangat mereka untuk meneruskan projek berkenaan sekalipun sudah membuat pelaburan hampir RM30,000.

"Kami mengenal pasti punca kegagalan iaitu kerana tanah kurang baja dan tanah masam menyebabkan jagung tidak subur.

"Bermula daripada itu, kami berusaha memperbaiki keadaan dan sekarang ia sudah menampakkan hasil yang baik," kata Zamri Azman Isa, 41 bekas anggota tentera Laut Diraja Malaysia (TLDM) Lumut yang berkhidmat selama 13 tahun.



UNTUK DIJUAL: Zamri memasukkan jagung ke dalam van untuk dipasarkan.

Beliau yang bersara awal bersama tiga rakannya

Zainuddin Mat Ariffin 27, Abdul Halim Saffian, 41 dan Zainal Ngadimin, 46,



menerusi syarikat Lekir Agro Sdn Bhd memulakan usaha menanam jagung sejak Januari lalu.

Buat permulaan mereka menyewa sebidang tanah milik Pusat Pertanian Lekir, dekat sini dengan kadar bayaran RM200 setahun.

"Kami menerima suntikan semangat dan sokongan moral daripada pegawai Pejabat Pertanian Lekir dan Komuniti Pertanian Titi Gantung yang banyak memberi khidmat nasihat untuk memperbaiki keadaan.

"Pegawai pertanian terbabit juga memberi semangat serta meminta kami supaya tidak putus asa dan sebaliknya mahu kami terus berusaha dengan gigih untuk mencapai kejayaan yang dicita-citakan," katanya.

Zamri berkata, pada peringkat permulaan projek itu diusahakan banyak pokok jagung mati sebelum berputik yang dipercayai berpunca daripada kualiti tanah tidak sesuai menyebabkan tanaman tidak subur.

Bagaimanapun, katanya selepas tanah itu dirawat dengan dicampur kapur dan baja asas mereka terus menanam jagung dalam kawasan berkenaan dan ia kemudian mula menunjukkan hasil memberangsangkan.

"Alhamdulillah, percubaan kali kedua memberi pulangan hampir RM10,000 daripada 120,000 pokok jagung yang boleh dituai selepas 58 hari ditanam iaitu bagi jagung benih Taiwan, manakala benih Thailand pula selepas 68 hari," katanya.

Beliau berkata, semua jagung dijual terus kepada pasar raya, pasar mini, pasar malam dan kedai runcit sekitar Daerah Manjung yang mendapat sambutan menggalakkan.

Sementara itu, Zainuddin berkata, pihaknya sedang mencari tanah terbiar atau untuk disewa kira-kira seluas lapan hektar tanah lagi untuk mengembangkan projek tanaman jagung yang diusahakan itu.

"Kami sedang mengenal pasti tanah milik agensi pertanian untuk disewakan bagi projek taman jagung di samping merancang melaksanakan projek ternakan ikan air tawar dalam dua kolam di kawasan Pusat Pertanian Lekir," katanya.

"Kami akan membuat pelaburan berjumlah RM50,000 lagi bagi menjayakan projek tanaman jagung dan ternakan ikan air tawar yang dijangka dilaksanakan awal tahun depan selepas semua urusan mengenainya selesai," katanya.

Beliau berkata, setakat ini mereka menggunakan wang sendiri dan belum bercadang membuat pinjaman dengan mana-mana institusi kewangan.

"Kami berazam menyahut saranan Perdana Menteri, Datuk Seri Abdullah Ahmad Badawi yang mahu lebih ramai usahawan tani dapat dilahirkan dan berbakti kepada tanah yang pasti memberi pulangan menggalakkan," katanya.